

01 SEP 2002

Sukan-Sukma (Karate)/I

KARATE TAWAR PINGAT PERTAMA PADA SUKMA

KOTA KINABALU, 1 Sept (Bernama) -- Kejohanan Sukan Malaysia (Sukma 2002) kesembilan bermula di sini esok dengan sukan karate menawarkan pingat pertama untuk pasukan yang mengambil bahagian.

Acara itu yang berlangsung di Kompleks Sukan Likas, menawarkan 15 pingat emas, sembilan daripadanya dalam kategori lelaki.

Lapan pingat emas menajdi rebutan pada hari pertama iaitu dalam acara kumite lelaki bagi kategori +80kg, -60kg, -70kg dan -55kg, kumite wanita bagi kategori +60kg dan -48kg serta kategori kata bagi individu lelaki dan wanita.

Tujuh pingat emas lagi ditawarkan pada Selasa dalam kategori kata pasukan lelaki dan wanita, lelaki kumite bagi kategori -80kg, -75kg, -65kg serta acara kumite wanita kategori -53kg dan -60kg.

Tuan rumah Sabah, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang merupakan pasukan terkuat dalam acara ini.

Sukma 2002 menawarkan 1,115 pingat iaitu 348 emas, 348 perak dan 419 gangsa bagi 27 acara sukan.

Selain karate, acara lain yang dipertandingkan pada Sukma 2002 membabitkan bola sepak, hoki, lawan pedang, ping pong, bola keranjang, tenis, boling, boling padang, lumba basikal, menembak, silat, akuatik, sepak takraw, skuasy, tinju, bola jaring, badminton, angkat berat, gimnastik, perahu layar, judo, memanah, olahraga, wushu, golf dan taekwondo.

Sebanyak 20 pasukan mengambil bahagian pada kejohanan kali ini yang turut menyaksikan penyertaan Wilayah Utara Australia dan Brunei.

Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai akan merasmikan kejohanan itu pada 7 Sept manakala Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan pentutupan kejohanan dwitahunan itu pada 14 Sept.

-- BERNAMA

JS LAT